

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS**  
**KAWASAN : TELOK KEMANG**  
**TARIKH : 17.6.2014 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 32**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- (a) apakah program-program Kementerian untuk meningkatkan lagi penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam aktiviti pembuatan komponen dan alat ganti kenderaan yang buat masa ini hanya sekitar 37 peratus penglibatan; dan
- (b) perancangan Kementerian bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan bengkel dan aksesori kenderaan yang sekarang ini hanya sekitar 12 peratus.

## **Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Salah satu objektif Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 adalah untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif untuk menjadi salah satu komponen penting bagi pembangunan ekonomi negara. NAP 2014 juga memberi tumpuan kepada sektor pembuatan komponen dan lepas jualan, termasuk pembangunan rantaian bekalan yang akan meningkatkan daya saing syarikat-syarikat automotif tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Bagi memperkuatkannya penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara, NAP 2014 turut melibatkan dasar-dasar bagi memperkasa ekonomi Bumiputera yang seiring dengan usaha merealisasikan objektif untuk menghasilkan usahawan Bumiputera yang lebih berdaya saing sekaligus menembusi pasaran antarabangsa. Dasar ini akan menitikberatkan aspek-aspek utama seperti pembangunan modal insan, pembangunan rantaian pembekal komponen dan alat ganti serta pembangunan teknologi.

Antara program yang telah dibangun dan dikendalikan oleh Malaysia Automotive Institute (MAI), iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diberi tanggung jawab khusus untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera adalah Bumiputera *Workshop Development and Transformation* (BWDT), Bumiputera *Motorcycle Dealership* (BMD) dan *Domestic Market Penetration and Development* (DMPD).

Bumiputra *Workshop Development and Transformation* (BWDT) bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputra dalam bidang-bidang lepas jualan bagi memoden dan mentransformasikan sektor industri penyelenggaraan dan pembaikan automotif yang kini bertaburan dan tidak selaras. Program utama BWDT termasuklah Bengkel Keusahawanan, Kejurulatihan Keusahawanan Rapi, Latihan Teknikal dan Membina Keupayaan Sokongan untuk tempoh 12 bulan.

Bumiputra *Motorcycle Dealership* (BMD) pula merupakan program bantuan kepada usahawan Bumiputra untuk berkecimpung dalam aktiviti jualan motosikal dengan menjadi wakil jualan baharu kepada syarikat-syarikat pengeluar motosikal tempatan dan antarabangsa. Sementara itu, *Domestic Market Penetration and Development* (DMPD) menyediakan platform untuk meningkatkan penerimaan pasaran tempatan terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang dikenali di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan adalah kekal komited terhadap program-program pembangunan usahawan Bumiputra dan ianya akan terus dipergiatkan lagi menerusi kerjasama dengan pelbagai pihak bagi terus memacu pembangunan keusahawanan Bumiputra di negara ini.